

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : UNISEL

181. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kedudukan kewangan UNISEL terkini dan bolehkah pendapatan UNISEL menampung perbelanjaannya sendiri.
- b) Nyatakan berapakah peruntukan kewangan kerajaan negeri yang disalurkan bagi tahun 2017 & 2018.
- c) Nyatakan jumlah bilangan keseluruhan pelajar yang menuntut mengikut pecahan jurusan bagi sesi 2017-2018.

JAWAPAN:

- a) **Kedudukan kewangan UNISEL terkini:-**

Sehingga Oktober 2018 :

Jumlah Pendapatan RM 97.76 juta

Jumlah Perbelanjaan RM 89.42 juta

Surplus sebanyak RM8.34 juta

Melalui pendapatan yang diperolehi daripada yuran pelajar, UNISEL mampu untuk menampung perbelanjaan operasinya sahaja.

- b) Peruntukan kewangan Kerajaan Negeri yang disalurkan bagi tahun 2017 & 2018

BIL	PERKARA	TAHUN	
		2017 (RM)	2018 (RM)
1.	BAIDS	20,072,500	19,210,000

2.	SELANGOR BUSINESS SCHOOL	5,000,000	10,000,000
3.	BANK PEMBANGUNAN	10,000,000	10,000,000
4	SMART TAHFIZ	-	500,000
5.	DERMASISWA		200,000
6.	PROJEK PENGHIJAUAN KAMPUS		20,000
7.	PROJEK TRANSFORMASI		8,740,695
JUMLAH		35,072,500	48,670,695

c) Berikut adalah jumlah bilangan keseluruhan pelajar yang menuntut mengikut pecahan jurusan bagi sesi 2017-2018 adalah seperti berikut:

BIL	PROGRAM	BILANGAN PELAJAR	
		2017	2018
1	PENGAJIAN TAHUN ASAS (SAINS)	62	45
2	PROGRAM ASAS PENGURUSAN	233	283
3	PROGRAM ASAS SARJANA MUDA PENDIDIKAN (PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA)	217	230
4	PROGRAM ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT	105	97
5	DIPLOMA AKUAKULTUR	50	39

6	DIPLOMA APLIKASI KOMPUTER DALAM PERNIAGAAN	3	2
7	DIPLOMA FISIOTERAPI	93	82
8	DIPLOMA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI	56	41
9	DIPLOMA INDUSTRI MULTIMEDIA	48	46
10	DIPLOMA KEJURURAWATAN	61	61
11	DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM	49	63
12	DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK	38	29
13	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL	41	34
14	DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKATRONIK	12	8
15	DIPLOMA KESIHATAN PERSEKITARAN	46	37
16	DIPLOMA KOMUNIKASI DAN MEDIA	308	209
17	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM)	130	98
18	DIPLOMA PENDIDIKAN (PENGAJIAN PRASEKOLAH)	818	840
19	DIPLOMA PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	357	336
20	DIPLOMA PENGIMEJAN PERUBATAN	65	41
21	DIPLOMA PENGURUSAN INDUSTRI SUKAN	304	329
22	DIPLOMA PENGURUSAN PENTADBIRAN	404	421
23	DIPLOMA PENGURUSAN PERNIAGAAN	669	619
24	DIPLOMA PERAKAUNAN	235	215
25	DIPLOMA SAINS KOMPUTER (PENGKOMPUTERAN INDUSTRI)	64	60
26	DIPLOMA SAINS KUANTITATIF	12	10
27	DIPLOMA SAINS PERPUSTAKAAN	39	33
28	DIPLOMA SENI REKA GRAFIK DIGITAL	310	332
29	DIPLOMA TEKNOLOGI FOTOGRAFI	105	91

30	DIPLOMA TEKNOLOGI INDUSTRI	146	137
31	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT	116	117
32	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI MUDAHALIH)	6	3

33	DIPLOMA TEKNOLOGI MAKMAL PERUBATAN	73	53
34	IJAZAH SARJANA KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	6	3
35	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) FILEM DAN ANIMASI	NA	3
36	IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN) SENI REKA GRAFIK DIGITAL	183	166
37	IJAZAH SARJANA MUDA BAHASA INGGERIS UNTUK INDUSTRI	2	17
38	IJAZAH SARJANA MUDA BIOINFORMATIK (KEPUJIAN)	35	29
39	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI BIOTEKNOLOGI (KEPUJIAN)	106	92
40	IJAZAH SARJANA MUDA INDUSTRI MULTIMEDIA (KEPUJIAN)	98	84
41	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) AWAM	108	105
42	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) ELEKTRIK	83	73
43	IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN (KEPUJIAN) MEKANIKAL	119	113
44	IJAZAH SARJANA MUDA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KEPUJIAN)	59	53
45	IJAZAH SARJANA MUDA KESENIAN (KEPUJIAN) TEKNOLOGI FOTOGRAFI KREATIF	NA	4
46	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KEWARTAWANAN)	126	112
47	IJAZAH SARJANA MUDA KOMUNIKASI (KEPUJIAN) (KOMUNIKASI KORPORAT)	273	210
48	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) (PENGAJIAN ISLAM)	591	287

49	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) PENGAJARAN BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA KEDUA	550	570
50	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN INDUSTRI (KEPUJIAN)	149	98
51	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)	650	623
52	IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (KEPUJIAN)	1088	1065
53	IJAZAH SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (KEPUJIAN)	NA	47
54	IJAZAH SARJANA MUDA PERAKAUNAN (KEPUJIAN)	588	506
55	IJAZAH SARJANA MUDA PSIKOLOGI INDUSTRI (KEPUJIAN)	133	102
56	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) MATEMATIK DENGAN STATISTIK	57	49
57	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS (KEPUJIAN) TEKNOLOGI INDUSTRI	44	42
58	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN) (KEPUJIAN)	62	80
59	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN)	30	24
60	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPUJIAN) (KESELAMATAN RANGKAIAN DAN DIGITAL FORENSIK)	48	40
61	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS MAKMAL PERUBATAN (KEPUJIAN)	362	359
62	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERPUSTAKAAN (KEPUJIAN)	57	53
63	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PERSEKITARAN (KEPUJIAN)(KEPELBAGAIAN BIOLOGI DAN PEMULIHARAAN)	13	11
64	IJAZAH SARJANA MUDA SAINS TEKNOLOGI MAKLUMAT DENGAN PENGURUSAN RANTAIAN	66	51

	BEKALAN (KEPUJIAN)		
65	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (KEPUJIAN)	144	179
66	IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (PENGURUSAN PENGETAHUAN) (KEPUJIAN)	19	14
67	IJAZAH SARJANA SAINS (PENGKOMPUTERAN)	4	2
68	IJAZAH SARJANA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN)	3	4
69	IJAZAH SARJANA TEKNOLOGI MAKLUMAT	21	19
70	SARJANA MUDA KEWANGAN (KEPUJIAN)	421	381
71	SARJANA MUDA PEMASARAN (KEPUJIAN)	59	38
72	SARJANA MUDA PENDIDIKAN (KEPUJIAN) (PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)	824	696
73	SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN DISIPLIN)	35	31
74	SARJANA PENGURUSAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	15	12
75	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN	12	20
76	SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN	23	8
77	SARJANA SAINS (BIOTEKNOLOGI)	14	12
78	SARJANA SAINS HAYAT	11	3
79	DOKTOR FALSAFAH BIOTEKNOLOGI	10	6
80	DOKTOR FALSAFAH KEJURUTERAAN (MELALUI PENYELIDIKAN)	9	10
81	DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN	0	1
82	DOKTOR FALSAFAH PENDIDIKAN	20	18
83	DOKTOR FALSAFAH PENGKOMPUTERAN	36	16
84	DOKTOR FALSAFAH PENGURUSAN	75	73
85	DOKTOR FALSAFAH SAINS	11	2

86	DOKTOR FALSAFAH SAINS SOSIAL	24	20
87	DOKTOR PENDIDIKAN	136	123
	JUMLAH	12887	11800

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : PERUNTUKAN INFRASTRUKTUR UNTUK KAMPUNG-KAMPUNG BARU

182. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kebanyakan infrastruktur kampung-kampung terutamanya sistem longkang telah bertahun-tahun dan ada yang telah rosak atau tidak berfungsi. Adakah kerajaan mempunyai satu program seperti MARRIS untuk membaiki atau mengaji semula semua sistem perairan atau sistem longkang?

JAWAPAN:

- a) Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sistem atau program seperti MARRIS yang bertujuan untuk memantau dan mengkaji semua sistem perairan atau longkang di kawasan kampung-kampung baru.

Walau bagaimanapun, agensi teknikal kerajaan seperti Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perairan dan Saliran dan sebagainya akan menyemak keperluan menaik taraf sistem longkang sedia ada dan turut merujuk kepada MARRIS sekiranya longkang atau jalan tersebut termasuk di bawah penyelenggaraan dan peruntukan MARRIS.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri berpandangan tiada keperluan buat masa ini untuk mewujudkan satu program atau sistem khas seumpama MARRIS bagi mengkaji dan membaiki jalan dan longkang di kampung-kampung baru. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan program ini untuk pada masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : KAFA MENENGAH

183. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk menambah bilangan KAFA di peringkat menengah?

JAWAPAN:

- a) Ya. Kerajaan Negeri berhasrat menambah KAFA Menengah sebanyak 3 buah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK : KENAIKAN NILAI CUKAI

184. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan mengambil langkah menaikkan cukai-cukai yang ada di Negeri Selangor untuk menampung kos pentadbiran Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah anggaran kenaikan dan berapakah jumlah peningkatan jika kenaikan tersebut dilaksanakan?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menaikkan cukai-cukai sedia ada di negeri ini. Untuk makluman, pada 18 November 2014, Majlis Tanah Negara yang dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri telah memutuskan dan bersetuju supaya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) melaksanakan penyemakan kadar-kadar cukai tanah bagi negeri masing-masing selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 101 (5) (b) Kanun Tanah Negara.

Selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara, Kerajaan Negeri telah melaksanakan semakan semula dan pindaan kadar cukai tanah Negeri Selangor pada tahun 2016 yang mula berkuatkuasa pada tahun 2017. Penyemakan dan pindaan kadar cukai tanah ini dilaksanakan hanya 10 tahun sekali dan kali terakhir semakan dan pindaan kadar cukai ini dilaksanakan di Negeri Selangor ialah pada tahun 2004 dan berkuatkuasa pada tahun 2005.

- b) Tiada anggaran kenaikan dan jumlah peningkatan kerana tiada kenaikan cukai dilaksanakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAI WAI CHONG
(N22 TERATAI)**

TAJUK : POLISI PLASTIK DAN POLISTREN

185. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan lagi usaha mengurangkan penggunaan plastik dan polistren selain kempen beg plastik dan meningkatkan kadar mengitar semula sampah?

JAWAPAN:

- b) Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Surat Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT Bil.1/2016: Cadangan Pengurangan Penggunaan Beg Plastik dan Polistirena di negeri Selangor bertarikh 2 Ogos 2016 dimana Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menghentikan bekas makanan dan peralatan polistirena di semua premis termasuk premis makanan dan pasar malam bermula Januari 2017.

Sehubungan itu, semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor diminta untuk meletakkan larangan pemberian beg plastik secara percuma serta larangan penggunaan bekas makanan dan peralatan polistirena dalam syarat-syarat lesen perniagaan di semua premis perniagaan yang dikeluarkan oleh PBT. Pada masa kini, semua PBT telah meletakkan syarat tersebut agar pematuhan terhadap perkara ini dapat dipantau.

Bagi meningkatkan kadar mengitar semula sampah, beberapa PBT telah melaksanakan inisiatif sendiri untuk melaksanakan program kitar semula. Antaranya, Majlis Perbandaran Sepang telah mengadakan Program Pengasingan Sampah dari rumah di Kota Warisan bermula pada tahun 2014. Sejumlah 800 unit tong kitar semula telah diberikan secara percuma kepada penduduk bagi menjayakan program tersebut dan jumlah sampah yang berjaya di asingkan adalah sebanyak 5,000 tan metrik.

Manakala, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah melaksanakan pengasingan sisa di seluruh kediaman jenis *landed* bermula 15 Oktober 2018 bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan ke tapak pelupusan sampah. Kutipan sisa

kitar semula ini dijalankan pada setiap hari Ahad oleh kontraktor kutipan kitar semula yang dilantik oleh Majlis. Selain itu, MBSA juga turut menjalankan pengasingan sisa makanan/ organik di gerai – gerai Majlis, pasar dan kedai makan di kawasan komersial di mana sisa yang telah diasingkan, dikutip dan dihantar ke pusat pengkomposan sisa bagi tujuan pengkomposan.

Pada 2019, Kerajaan Negeri Selangor berhasrat untuk memperluaskan lagi Kempen #BebasPlastik dan Program Kitar Semula ini ke sekolah-sekolah dengan kerjasama seluruh warga sekolah dan pengusaha kantin sekolah sebagai usaha pendidikan awal kepada generasi muda.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : USAHASAMA PROGRAM MEMBANTU ASNAF KELUAR DARIPADA
KEMISKINAN**

186. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk usahasama dan model program yang dilakukan kerajaan dengan Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd di dalam membantu asnaf zakat keluar daripada kemiskinan?

JAWAPAN:

- a) Teraju Ekonomi Asnaf Sdn Bhd (TERAS) bertanggungjawab membantu usahawan asnaf untuk keluar dari asnaf melalui bantuan modal perniagaan, latihan dan juga pemantauan sehingga mereka mampu untuk meningkat pendapatan dan seterusnya mencapai had kifayah untuk dikeluarkan daripada status asnaf fakir dan miskin.

Terdapat beberapa bentuk usahasama antara TERAS dan juga Kerajaan Negeri melalui agensi yang berkaitan di bawahnya. Contohnya dengan HIJRAH Selangor. Bagi usahawan yang telah disahkan keluar asnaf fakir miskin, mereka akan disalurkan kepada HIJRAH Selangor bagi mendapatkan dana pinjaman untuk meluaskan lagi perniagaan. Selain itu TERAS juga telah beberapa kali bekerjasama dengan HIJRAH dan juga PKNS dalam memberikan ruang tapak perniagaan kepada usahawan asnaf untuk berniaga di PKNS dalam *Program Kasih PKNS*.

Agensi kerajaan yang lain turut memberikan kerjasama dalam menjadi sumber rujukan TERAS dalam membangunkan usahawan asnaf di Selangor. Agensi berkenaan adalah seperti Jabatan Pertanian Sabak Bernam, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Haiwan, Pihak Berkuasa Tempatan dan sebagainya. Hal ini kerana TERAS membantu usahawan dalam bidang makanan, peruncitan, perkhidmatan, pertanian, perikanan dan juga penternakan.

TERAS turut menganjurkan program Tranformasi Usahawan Asnaf (TUAS) setiap 2 tahun. Dalam program berkenaan, TERAS telah menghimpunkan usahawan yang berpotensi untuk dikeluarkan pada tahun semasa, bekas usahawan asnaf yang telah berjaya keluar daripada asnaf fakir dan miskin, serta agensi yang berkaitan keusahawan seperti SSM, HIJRAH, AKPK, PUNB, MARA, TEKUN,dan lain-lain untuk sama-sama berkongsi info tentang bantuan serta pinjaman untuk asnaf membesarkan lagi perniagaan setelah mereka keluar daripada status asnaf fakir dan miskin.

Selain itu, TERAS juga telah mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Latihan Jahitan SLDN oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Oleh itu TERAS dapt menyediakan peluang latihan jahitan kepada asnaf Ffakir miskin bagi menjana pendapatan dan meningkatkan pendapatan melalui pengiktirafan Sikil Kemahiran Malaysia (SKM).

Tambahan:

- i. Jumlah usahawan asnaf di bawah pemantauan TERAS
 1. 2017 – 942 orang usahawan
 2. 2018 – 1,114 orang usahawan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : GANGGUAN BEKALAN AIR

187. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes gangguan air akibat dari pencemaran sungai dari 2016-2018.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bersedia meletakkan sasaran sifar gangguan pada 2019?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

1. Jumlah kes gangguan akibat pencemaran sungai yang memerlukan penutupan sementara loji bagi tahun 2016 – 2018 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Kes Pencemaran menyebabkan hentitugas sementara Loji	Jumlah Gangguan
2016	16 kes	10
2017	39 kes	1
2018	82 kes	1

2. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak dapat menetapkan sasaran sifar gangguan bekalan air. Untuk makluman, Air Selangor mengurus kawasan agihan bekalan air merangkumi keseluruhan Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta mengendalikan sistem pembekalan air melibatkan pelbagai fasiliti antaranya termasuk tiga puluh empat (34) buah loji rawatan air, satu ribu lima ratus (1,500) buah kolam- kolam perkhidmatan dan dua puluh tujuh ribu lapan ratus (27,800) kilometer rangkaian paip agihan.

- 3 Gangguan bekalan air adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti penutupan loji ekoran pencemaran sungai, insiden paip pecah atau paip bocor yang memerlukan penutupan sementara bekalan disebabkan rangkaian paip yang berusia atau disebabkan oleh pihak ketiga yang menjalankan kerja-kerja pembinaan bangunan, lebuh raya, kemalangan yang menyebabkan kerosakan komponen rangkaian bekalan air seperti *S-bend* atau *Air Valve* yang dilanggar kenderaan dan lain-lain.
- 4 Sejak pengambilalihan pengurusan air oleh Air Selangor pada 2015, pelbagai inisiatif diambil bagi menambahbaik fasiliti dan peralatan sistem bekalan air bagi meminimalkan impak gangguan kepada pengguna. Program penggantian peralatan sistem bekalan air yang berusia sedang giat dijalankan di bawah program CAPEX 2017 - 2018.
- 5 Turut tersenarai adalah pembinaan Stesen-stesen Pengawasan Sungai (*River Monitoring Stations*) di lokasi-lokasi strategik di hulu-hulu sungai bagi memantau serta pengawasan kualiti air yang menjadi sumber bekalan air mentah kepada loji-loji rawatan air. Pembinaan ini akan dimanfaatkan untuk memberi amaran awal kepada loji-loji dan pengoperasian agihan bekalan sekiranya sebarang pencemaran sungai dikesan di hulu sungai.
- 6 Empat (4) buah RMS (River Monitoring Station) dibina di Sungai Selangor dan Sungai Bernam dibawah program CAPEX 2017 dan sebelas (11) lagi akan dibina di bawah program CAPEX 2018 melibatkan perbelanjaan berjumlah sekitar RM12 juta.
- 7 Selain dari itu, program pengantian paip berusia di 'hotspot' yang telah dikenalpasti sedang giat dilaksanakan bagi mengurangkan insiden paip pecah dan gangguan bekalan air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : MASALAH BANJIR

188. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Apakah langkah yang diambil oleh pihak JPS, JKR dan kontraktor supaya masalah ini dibendung?

JAWAPAN:

- b) Jalan yang dimaksudkan adalah Jalan Persekutuan FT54. Pasukan Projek Khas, Ibu Pejabat JKR Malaysia telah menjalankan kajian berhubung dengan masalah banjir kilat di beberapa kawasan berhampiran. Hasil dari kajian yang dilaksanakan telah dibentangkan kepada semua agensi yang terlibat. Longkang jalan berkenaan hanya direkabentuk bagi menampung air permukaan jalan sahaja.

Pasukan projek khas akan sentiasa melaksanakan pemantauan kepada culvert di sepanjang jalan yang terlibat dalam projek pelebaran jalan ini. Selain itu pihak kontraktor di arahkan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan diutamakan dan memastikan Pelan Pengurusan Alam Sekitar di laksanakan untuk mengurangkan kesan pembinaan kepada alam sekitar. Masalah ini akan dapat dibendung sepenuhnya apabila projek menaiktaraf jalan ini disiapkan pada bulan Ogos 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN TERHADAP PENDUDUK DI LOT TANAH

189. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Masalah kutipan sampah di kawasan perumahan yang didirikan di atas lot tanah persendirian ialah masalah besar di mana PBT selalunya tidak dapat menawarkan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti kepada penduduk. Adakah PBT bercadang untuk mengutip cukai taksiran sekiranya penduduk sudi bayar?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman sidang dewan, di bawah Seksyen 127, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) telah memberikan kuasa kepada pihak PBT untuk mengenakan cukai taksiran di mana ianya menerangkan bahawa:-

“PBT boleh dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu, mengenakan sama ada secara berasingan atau sebagai suatu kadar yang disatukan, kadar atau kadar-kadar tahunan dalam sesuatu kawasan PBT bagi maksud-maksud Akta ini atau bagi maksud-maksud lain yang mana adalah kewajipan PBT itu menyempurnakannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.”

Sehubungan dengan itu, pihak PBT dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mempunyai kuasa mutlak untuk mengenakan cukai taksiran bagi pegangan harta yang terdapat di dalam kawasan pentadbiran Majlis.

Untuk makluman sidang dewan juga, ‘pegangan’ berdasarkan Seksyen 2, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) bolehlah ditafsirkan sebagai “mana-mana tanah yang ada atau tidak ada bangunan-bangunan di atasnya, yang dipegang di bawah suatu dokumen hakmilik yang berasingan dan, mengenai bangunan-bangunan yang dipecahbagagi, ertinya harta bersama dan mana-mana petaknya..”

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : WANG MARRIS

190. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah wang MARRIS yang diterima Kerajaan Negeri dari 2016-2018?
- b) Nyatakan prestasi perbelanjaan wang MARRIS dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Geran Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri (MARRIS) yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah seperti berikut:

Tahun	Terimaan (RM)
2016	496,900,998.23
2017	511,808,029.04
2018 (Sehingga November)	482,805,465.43
Jumlah Berkumpul	1,491,514,492.70

Jadual 1: Terimaan MARRIS Negeri Selangor (2016-2018)

- b) Prestasi Perbelanjaan Peruntukan MARRIS dalam tempoh 2016 hingga 2018 adalah seperti jadual berikut:-

Tahun	Terimaan (RM)	Perbelanjaan Tahun Semasa (RM)	Peratus Belanja (%)	Beza Terimaan VS Belanja (+/-) RM
2016	496,900,988.23	615,277,811.27	123.9%	(118,376,823.04)
2017	511,808,029.04	684,876,455.71	133.9%	(173,068,426.67)
2018	482,805,465.43	399,753,266.14	91.2%	83,052,199.29
JUMLAH	1,491,514,482.70	1,699,907,533.12	114.0%	(208,393,050.42)

Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan MARRIS (2016-2018)

Sebagai makluman, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah **RM1,699,907,533.12** peruntukan MARRIS dalam tempoh tiga (3) tahun mulai 2016 sehingga November 2018. Jumlah perbelanjaan tersebut adalah pada kadar **114%** dan melebihi daripada jumlah terimaan sebenar yang direkodkan dalam tempoh berkenaan yang berjumlah **RM1,491,514,482.70**. Perbezaan berjumlah **RM208,393,050.42** atau kira-kira **14%** tersebut ditampung menerusi baki Kumpulan Wang MARRIS dari tahun-tahun terdahulu. Peruntukan MARRIS yang diterima ini telah digunakan secara optimum untuk memastikan jalan-jalan yang berada di bawah tanggungjawab Negeri dilaksanakan penyenggaraan yang sebaiknya dan berada dalam keadaan yang memuaskan. Kerajaan Negeri sentiasa komited dan konsisten dalam usaha menyenggara jalan-jalan Negeri demi keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)**

TAJUK : SUMBER BEKALAN MAKANAN

191. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi meningkatkan tahap sara diri atau self sufficient level (SSL) dalam memastikan sumber bekalan makanan atau food security terjamin?

JAWAPAN:

- a) Secara dasarnya, Negeri Selangor bukanlah merupakan sebuah negeri yang mampu mengeluarkan hasil makanan yang boleh mencapai seratus peratus bekalan makanan (*food security*). Ini adalah berdasarkan kepada faktor guna tanah yang amat terhad. Secara keseluruhannya, purata *Self Sufficient Level (SSL)* Negeri Selangor masih berada pada tahap kurang dari 50% malah bagi beberapa penghasilan pertanian makanan hanya berada pada tahap kurang dari 30% seperti bekalan daging lembu (2.08%), padi (29%) dan sayuran (5%). Peratusan bekalan makanan yang paling tinggi bagi Negeri Selangor adalah seperti daging ayam (69.8%) dan telur ayam (65.2%).

Bagi memastikan bekalan makanan berada di dalam paras yang selamat, Negeri Selangor perlu mengimport bekalan makanan domestik iaitu dari negeri-negeri di dalam negara serta juga dari luar negara bagi memastikan bekalan makanan mencukupi kepada seluruh rakyat yang berjumlah lebih dari 6 juta orang.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telahpun melaksanakan strategi bagi meningkatkan bekalan makanan di Negeri Selangor. Antara strategi-strategi tersebut adalah seperti berikut :-

1. Membuka lebih banyak kawasan-kawasan pertanian khusus untuk aktiviti pertanian makanan seperti kawasan tanaman, penternakan dan juga akuakultur;
2. Memperkasakan lagi pengusaha-pengusaha di sektor pertanian makanan melalui program-program seminar, bengkel dan kursus bagi memberikan lebih banyak maklumat berkaitan dengan penggunaan teknologi-teknologi

moden yang boleh meningkatkan hasil di dalam kawasan projek pertanian yang kecil;

3. Menarik lebih ramai lagi agropreneur muda untuk terlibat di dalam sektor pertanian melalui program-program seminar dan kursus khususnya di dalam meyakinkan mereka bahawa sektor pertanian boleh dijadikan sebagai sumber pendapatan utama melalui kaedah betul seperti projek pertanian presisi atau *precision agriculture*;
4. Menggalakkan projek-projek pertanian yang boleh memberikan pulangan tinggi (high value agriculture product) seperti projek penanaman berkonsepkan fertigasi;
5. Memberikan insentif-insentif yang berkaitan dengan projek pertanian yang diusahakan seperti bantuan peralatan dan input-input pertanian termasuk bantuan kepada golongan nelayan; dan
6. Mempromosikan penggunaan jentera-jentera dan peralatan moden bagi meningkatkan hasil dan dalam masa yang sama mengurangkan kebertanggungannya kepada tenaga buruh asing;

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : KILANG PLASTIK HARAM

192. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kilang plastik haram di Selangor mengikut PBT.
- b) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap kilang haram ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kilang plastik haram yang telah dikenal pasti oleh PBT adalah sebanyak **111 buah kilang** yang merangkumi tiga (3) buah PBT sahaja iaitu:-
 - i. Majlis Perbandaran Klang (MPK) – 66 buah kilang;
 - ii. Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS – 12 buah kilang; dan
 - iii. Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) – 33 buah kilang
- b) PBT telah mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) serta Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007. Antara tindakan yang diambil adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Tindakan Notis	Tindakan Kompaun	Tindakan Notis Pulih Tanah	Status
1.	MPK	14	22	-	Kilang Tidak Beroperasi
2.	MDHS	12	12	-	Kilang Tidak Beroperasi
3.	MDKL	65	-	7	27 Kilang belum dibersihkan sepenuhnya

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PERKEMBANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA ASET-ASET AIR DI
NEGERI SELANGOR**

193. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perkembangan penstrukturan semula semua aset-aset air di Negeri Selangor sejak MOU ditandatangani antara pihak Air Selangor dan SPLASH?
- b) Apakah jumlah nilai aset air yang dipegang oleh Air Selangor dan berapa kos sewaan yang dibayar kepada PAAB?

JAWAPAN:

Tuan Speaker,

1. Jawapan bagi soalan No. 193 bahagian (a) dari Yang Berhormat Bukit Lanjan telah dijawab bersekali dengan soalan No. 148, bahagian (a) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing.
2. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 01 Ogos 2018 telah meluluskan penyelesaian pelaksanaan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan pengambilalihan SPLASH berdasarkan kepada rundingan dan persetujuan yang telah dicapai bersama antara Kerajaan Negeri Selangor, Air Selangor dan Pemegang Saham SPLASH, yang terdiri dari Gamuda Berhad ("Gamuda") (40%), The Sweet Water Alliance ("TSWA") (30%) dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS") (30%).
3. Berdasarkan kepada ketetapan yang telah dibuat di dalam MMKN tersebut, pada 03 Ogos 2018, Kerajaan Negeri Selangor melalui Air Selangor telah pun mengemukakan surat tawaran pengambilalihan kepada Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH). Tawaran ini dibuat kepada Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad (SPLASH Holdings), pemegang saham tunggal SPLASH.

4. SPLASH Holdings telah menerima tawaran Air Selangor untuk mengambil alih Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) secara prinsipnya pada 9 Ogos 2018. Perjanjian Pembelian Saham (*Share Purchase Agreement*, SPA) telah berjaya dimeterai pada 28 September 2018 setelah semua pihak berpuas hati dengan terma dan syarat yang telah dipersetujui ke atas SPA tersebut. SPA tersebut dijangka akan diselesaikan di dalam tempoh antara tiga (3) sehingga enam (6) bulan, bergantung kepada penyelesaian ke atas pelbagai perjanjian lain yang turut saling berhubungan (*interconnected*) dengan SPA tersebut.

5. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui surat bertarikh 13 November 2018 telah menyampaikan keputusan Memorandum Jemaah Menteri bertajuk “Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor berserta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 26 Oktober 2018” telah bersetuju dengan Pengambilalihan SPLASH oleh Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM2.55 bilion dilaksanakan melalui kaedah pembiayaan seperti berikut:-
 - 5.1. Penyediaan kemudahan pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan melalui PAAB berjumlah RM1.9 bilion secara *lump sum* seperti berikut:-
 - (1) Pembiayaan melalui baki kemudahan pembiayaan di bawah Perjanjian Utama berjumlah RM317,565,425.00;
 - (2) Pembiayaan melalui kemudahan tambahan berjumlah RM1.583 bilion.

 - 5.2. Pembiayaan oleh Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM650 juta melalui Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor).

6. Berdasarkan kepada persetujuan yang telah dicapai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhubung pembiayaan pengambilalihan SPLASH dan mengambil kira penyediaan dan penyempurnaan dokumentasi yang terlibat seperti penamatan Perjanjian Konsesi Air sedia ada, pindaan ke tiga kepada Perjanjian Utama, penerbitan bon oleh PAAB, pengeluaran lesen oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan lain-lain dokumentasi yang terlibat, maka adalah dijangkakan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air Negeri Selangor ini dapat diselesaikan sepenuhnya tidak lewat dari 30 Mac 2019.

Jawapan (b)

Tuan Speaker,

1. Sehingga tempoh 30 September 2018, jumlah aset air yang dipegang oleh Air Selangor adalah sebanyak RM11.55 bilion, merangkumi pelbagai jenis aset air termasuk loji-loji rawatan air, rangkaian paip, rumah pam, kolam air, meter, kenderaan dan pelbagai kelengkapan dan peralatan berkaitan operasi perkhidmatan air yang dipindah milik oleh Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di dalam Perjanjian Pindahan Aset bertarikh 22 September 2014.
2. Kadar sewa pajakan yang dikenakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) adalah lebih rendah berbanding kadar komersil dengan tempoh pembayaran yang panjang, akan membantu di dalam memastikan kemampuan kedudukan kewangan Air Selangor. Air Selangor akan membuat bayaran ke atas sewa pajakan bagi tempoh 45 tahun dengan kadar sewa pajakan diantara 5.5 hingga 5.75 peratus(%) setahun bagi liabiliti komersil dan kadar sewa pajakan sebanyak 2.22 peratus (%) bagi pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.
3. Berdasarkan kadar sewa pajakan ini, anggaran kos sewa pajakan tahunan yang perlu dibayar oleh Air Selangor untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM716.8 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : PENGUATKUASAAN TERHADAP KUTU SAMPAH DI PETALING JAYA

194. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah statistik penguatkuasaan untuk pesalah kutu sampah di Negeri Selangor?
- b) Berapakah pegawai penguatkuasa MBPJ yang ditugaskan untuk tujuan ini?

JAWAPAN:

- a) Pihak MBPJ telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang berkait dengan isu kutu sampah. Di antara kesalahan yang sering diambil tindakan penguatkuasaan adalah seperti pembuangan sampah tanpa kebenaran, penempatan sampah binaan tanpa permit serta kekotoran di atas jalan awam di bawah UUK Mencegah Kekotoran MPPJ (1999) dan UUK Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap MBPJ (2007).

TAHUN 2018		
PBT	JENIS TINDAKAN PENGUATKUASAAN	
	KOMPAUN	SITAAN
MBPJ	369	3

b)

BIL	JABATAN	JUMLAH KAKITANGAN
1	PENGUATKUASAAN	11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA RAKYAT

195. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Adakah termasuk dalam rancangan Kerajaan Negeri untuk membina sekolah agama menengah rakyat di Ijok?

JAWAPAN:

- b) Kerajaan Negeri tiada rancangan untuk membina Sekolah Menengah Agama yang baru di Ijok.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : PARIT-PARIT DI KLANG

196. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Patir-parit yang lebih 1.5meter tidak termasuk dalam kontrak KDEB di Klang. Maka apakah tindakan yang akan diambil oleh MPK untuk menandatangani isu semak-samun di dalam parit?

JAWAPAN:

- a) Bagi pembersihan parit konkrit, Majlis Perbandaran Klang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM 3 juta bagi tahun 2018 manakala bagi tahun 2019 sebanyak RM 3.5 juta dan selebihnya majlis menjalankan kerja – kerja secara *in house*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR
(N05 HULU BERNAM)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SELANGOR

197. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kehadiran pengunjung ke perpustakaan awam dari 2014-2016.
- b) Senaraikan program yang dilaksanakan pada tahun 2018 bagi menarik kehadiran pengunjung.

JAWAPAN:

(a) Kehadiran pengunjung perpustakaan dari tahun 2014 hingga 2016

1.1 Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor mempunyai 105 pusat perkhidmatan di seluruh Negeri Selangor yang terdiri daripada:-

Bil	Perpustakaan	Jumlah
1	Perpustakaan Negeri	1
2	Daerah	7
3	Cawangan	4
4	Pekan	13
5	Desa	71
6	Perpustakaan Bergerak	9
		105

1.2 Jumlah pengunjung yang telah mengunjungi Perpustakaan Awam Selangor pada dari tahun 2014 sehingga September 2018 ialah seramai **7,513,073 orang**. Berikut ialah pecahan statistik pengunjung perpustakaan sejak daripada tahun 2014 mengikut kategori perpustakaan:

Bil	Perpustakaan	2014	2015	2016	2017	2018 (Sept)	Jumlah
1	Negeri	814,848	696,083	909,656	991,773	697,571	4,109,931
2	Daerah	238,618	246,582	273,828	246,965	155,367	1,161,360
3	Cawangan	145,395	155,975	172,423	89,158	62,161	625,112
4	Pekan	71,627	71,900	77,529	114,050	77,907	413,013
5	Desa	282,780	266,523	273,233	315,913	218,920	1,357,369
6	Bergerak	22,094	17,186	15,926	53,661	42,295	129,068
	Jumlah	1,575,362	1,454,249	1,722,595	1,811,520	1,254,221	7,513,073

(b) Program yang dilaksanakan pada tahun 2018

Bil	Program Dan Aktiviti	Tarikh	Lokasi	Catatan
1	Festival Buku dan Kanak Kanak Negeri Selangor (FESBUK 2018) Tema : Adiwira Membaca	2 – 4 Februari 2018	SACC Mall, Shah Alam	46,548 Pengunjung
2	Seminar Skor A : Ke Arah Membina Kecemerlangan Pelajar Kolaborasi bersama SMK TTDI Jaya, Shah Alam	11, 12 dan 13 Februari 2018	Auditorium PPAS, Tingkat 2	330 Pelajar dan Guru
3	Karnival Ilmu @ Dataran Ilmu Bandar Baru Selayang Kolaborasi bersama YB. Tuan Zaidy bin Abdul Talib, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani merangkap ADUN Templer	24 Februari 2018	Dataran Ilmu Selayang	3,543 Pengunjung
4	Majlis Perasmian #Smart Selangor Tuition Online 2.0 Kolaborasi bersama Yayasan Selangor	13 Mac 2018	Ruang Santai RATU, Shah Alam	557 Pengunjung
5	Pesta Buku Selangor 2018 (PBS 2018) Tema : Membaca Mencetus Kreativiti	29 Mac – 8 April 2018 (11 Hari)	SACC CONVEC, Shah Alam	515,801 Pengunjung
6	Jom Baca untuk 10 Minit / Let's Read Together for 10 minutes (Seluruh Selangor)	24 April 2018 (Selasa) 11.00 – 11.10 pagi	Seluruh Selangor	973,923 Penyertaan
7	World #Quran Hour 2018	7 Jun 2018 (Khamis) 12.00 tghari – 1.00 ptg	Seluruh Selangor	98,321 Penyertaan
8	Tilawah Al-Quran Braille 2018	9 Jun 2018 (Sabtu)	Seluruh Selangor	326 Penglibatan
9	Majlis Perasmian Perpustakaan Komuniti PJKita @ PJS 6, Kg. Lindungan	28 Julai 2018 (Sabtu)	PJS 6, Kg. Lindungan	2,500 Penglibatan
	KESELURUHAN PENGLIBATAN MASYARAKAT			1,631,849 penglibatan

(JAN – JULAI 2018)			
--------------------	--	--	--

Selain itu, perpustakaan juga turut menyediakan beberapa program bagi menarik pelajar-pelajar sepanjang cuti persekolahan, antaranya seperti berikut :

Bil	Bulan	Aktiviti	Nama Aktiviti	Tarikh	Penyertaan
1	Januari	51	Aktiviti Hujung Minggu	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox	1152
2	Februari	55	Aktiviti Hujung Minggu	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox	1479
3	Mac	132	Aktiviti Hujung Minggu / Program Cuti Sekolah	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox 4) <i>Story Telling</i> 5) Senamria 6) Kelas D.I.Y	17-25 Mac 2018 4709
4	April	100	Aktiviti Hujung Minggu	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox 4) <i>Story Telling</i> 5) Senamria 6) Lawatan Dari Real Kids (Setiap Hari Bekerja)	2384
5	Mei	68	Aktiviti Hujung Minggu	1) Aktiviti Kraf 2) Xbox 3) Lawatan Dari Real Kids (Setiap Hari Bekerja)	Bulan Puasa 1713
6	Jun	103	Aktiviti Hujung Minggu / Program Cuti Sekolah	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox 4) <i>Story Telling</i> 5) Senamria 6) Kelas D.I.Y 7) Permainan Dalaman	9-24 Jun 2018 1973
7	Julai	64	Aktiviti Hujung Minggu	1) Aktiviti Kraf 2) Xbox	948
8	Ogos	88	Aktiviti Hujung Minggu / Program Cuti Sekolah	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox 4) <i>Story Telling</i> 5) Senamria 6) Kelas D.I.Y 7) Permainan Dalaman	18-26 Ogos 2018 3739

9	Septem ber	44	Aktiviti Hujung Minggu	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox 4) <i>Story Telling</i> 5) Senamria 6) Lawatan Dari Real Kids (Setiap Hari Bekerja)		1130
10	Oktober	55	Aktiviti Hujung Minggu	1) Aktiviti Kraf 2) Tayangan Video 3) Xbox 4) <i>Story Telling</i> 5) Senamria 6) Lawatan Dari Real Kids (Setiap Hari Bekerja)		1215
Jumlah Keseluruhan Penyertaan						20,442

1.3 Penganjuran program dan aktiviti yang menarik, relevan dan efektif sememangnya menjadi salah satu faktor yang menarik lebih ramai pengunjung datang ke perpustakaan.

1.4 Namun sekiranya dilihat melalui peningkatan statistik pengunjung, faktor utama lain yang menarik pengunjung dan pengguna untuk datang ke perpustakaan ialah penaiktarafan perpustakaan berkonsepkan *rebranding*, iaitu perpustakaan sebagai rumah kedua yang selesa, ceria, kondusif, cantik dan moden.

1.5 Berikut ialah senarai Perpustakaan Awam Selangor yang telah dinaik taraf sejak daripada tahun 2016 sehingga tahun 2017. Manakala bagi tahun 2018 masih lagi dalam proses pembinaan dengan menggunakan peruntukan daripada Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

i. Projek Tahun 2016

Bil	Perpustakaan	Daerah	Tarikh dibuka
1	Perpustakaan Awam Selangor Batu 14, Hulu Langat	Hulu Langat	1/3/2017
2	Perpustakaan Awam Selangor Kg. Sg. Selisik	Hulu Selangor	1/3/2017
3	Perpustakaan Awam Selangor Jenderam Hilir	Sepang	1/3/2017
4	Perpustakaan Awam Selangor Dato' Ahmad Razali	Sepang	1/3/2017
5	Perpustakaan Awam Selangor Sijangkang	Klang	1/3/2017
6	Perpustakaan Awam Selangor Sekinchan	Sabak Bernam	1/3/2017
7	Perpustakaan Awam Selangor Kampung Lindungan	Petaling	1/3/2017
8	Perpustakaan Awam Selangor Tanjong Karang	Kuala	1/3/2017

		Selangor	
9	Perpustakaan Awam Selangor Gombak	Gombak	1/3/2017
10	Perpustakaan Awam Selangor Daerah Sabak Bernam	Sabak Bernam	1/3/2017
11	Perpustakaan Awam Selangor Bagan Terap	Sabak Bernam	1/3/2017
12	Perpustakaan Bergerak #SmartSelangor – PPAS (3 unit)	Petaling	1/3/2017
13	Perpustakaan Bergerak #SmartSelangor – Selangor B.E.ST (4 unit)	Klang Kuala Langat Sepang Hulu Langat Gombak Hulu Selangor	1/3/2017

ii. Projek Tahun 2017

Bil	Perpustakaan	Daerah	Tarikh dibuka
1	Perpustakaan Awam Selangor Gulang-gulang	Kuala Selangor	Sept 2017
2	Perpustakaan Awam Selangor Ijok	Kuala Selangor	Sept 2017
3	Perpustakaan Awam Selangor Taman Mawar	Ampang	Sept 2017
4	Perpustakaan Awam Selangor Binjai Jaya	Sabak Bernam	Sept 2017
5	Perpustakaan Awam Selangor Hulu Bernam	Hulu Selangor	Sept 2017
6	Perpustakaan Awam Selangor Tanjong Karang	Kuala Selangor	2019
7	Perpustakaan Awam Selangor Taman Medan, Sijangkang	Kuala Langat	2019

iii. Projek Tahun 2018

Bil	Perpustakaan	Daerah	Tarikh dibuka
1	Perpustakaan The School, Jaya One, Petaling Jaya	Petaling	Okt 2018
2	Perpustakaan Awam Selangor Bukit Kapar	Klang	Jan 2019
3	Perpustakaan Awam Selangor Jeram	Kuala Selangor	Jan 2019
4	Perpustakaan Awam Selangor Syed Mashor, Kuala Kubu Bharu	Hulu Selangor	2019
5	Perpustakaan Awam Selangor Daerah Hulu Langat	Hulu Langat	2019
6	Perpustakaan Awam Selangor Sultan Abdul Samad	Kuala Langat	2019
7	Perpustakaan Awam Selangor Puchong Indah	Hulu Langat	2019

1.6 Pada tahun ini Perpustakaan Awam Selangor telah membuka sebuah perpustakaan di pusat membeli-belah berkonsep *Smart Partnership* iaitu di

antara PPAS dengan The School by Jaya One, Petaling Jaya, yang telah dimulakan operasinya pada 7 Oktober 2018.

- 1.7 Bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor, kita mengharapkan dengan penambahan perpustakaan baharu dan penaiktarafan perpustakaan di seluruh negeri akan menggalakkan lagi peningkatan pengguna di kalangan masyarakat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : DIVIDEN ANAK SYARIKAT

198. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Butirkan dividen yang dibayar oleh anak syarikat negeri kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2017.
- b) Apakah sasaran dividen untuk tahun 2018 dan 2019?

JAWAPAN:

JAWAPAN:

a)

Bil	Nama Syarikat	Dividen Diisytiharkan 2017 (RM)
1	SRM Setia Sdn Bhd	934,515

MBI Selangor dan anak-anak syarikat turut memberi sumbangan tunai dan lain-lain sumbangan bagi membantu menjayakan program anjuran Kerajaan Negeri dan CSR di dalam memacu pembangunan Negeri Selangor menuju Smart State dan memastikan kebajikan rakyat di Negeri Selangor terpelihara. Perincian sumbangan adalah seperti berikut:

Bil	Nama Syarikat	Sumbangan Hasil tunai / Lain-lain Sumbangan
		31 Dis 2017 (RM)
1	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	53,562,418
1	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	454,875
2	Permodalan Negeri Selangor Berhad	5,404,757
3	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	15,000
4	Kumpulan Semesta Sdn Bhd	1,597,137
5	SRM Setia Sdn Bhd	182,074
6	KDEB Waste Management Sdn Bhd	333,290

b) Sasaran dividen bagi tahun 2018 dan 2019 masih sedang diperincikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : KESESAKAN LALU LINTAS DI BULATAN BANDAR SAUJANA PUTRA

199. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk penyuraian sementara yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada masa ini benar-benar berkesan?
- b) Apakah status terkini perancangan Kerajaan Negeri untuk membina 'fly over' bagi mengatasi masalah kesesakan tersebut?

JAWAPAN:

- a) Pada masa ini penduduk telah maklum keadaan semasa dan bilangan aduan telah berkurangan.
- b) Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB. Tuan Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli bersama agensi kerajaan yang diadakan pada 19 Julai 2018 di pejabat Majlis Daerah Kuala Langat. Mesyuarat telah dimaklumkan bahawa pihak Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bersetuju untuk melaksanakan pembinaan persimpangan bertingkat tersebut selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak sebelum ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : BAYARAN KEPADA PAAB / SPAN DAN DASAR AIR PERCUMA

200. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyakkah kerajaan perlu membayar kepada PAAB / SPAN untuk penggunaan aset air setiap tahun?
- b) Adakah kita akan mengkaji semula dasar air percuma ?

JAWAPAN:

(a)

Tuan Speaker,

1. Sehingga tempoh 30 September 2018, jumlah aset air yang dipegang oleh Air Selangor adalah sebanyak RM11.55 bilion, merangkumi pelbagai jenis aset air termasuk loji-loji rawatan air, rangkaian paip, rumah pam, kolam air, meter, kenderaan dan pelbagai kelengkapan dan peralatan berkaitan operasi perkhidmatan air yang dipindah milik oleh Kerajaan Negeri Selangor selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di dalam Perjanjian Pindahan Aset bertarikh 22 September 2014.
2. Kadar sewa pajakan yang dikenakan oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) adalah lebih rendah berbanding kadar komersil dengan tempoh pembayaran yang panjang, akan membantu di dalam memastikan kemampuan kedudukan kewangan Air Selangor. Air Selangor akan membuat bayaran ke atas sewa pajakan bagi tempoh 45 tahun dengan kadar sewa pajakan diantara 5.5 hingga 5.75 peratus(%) setahun bagi liabiliti komersil dan kadar sewa pajakan sebanyak 2.22 peratus (%) bagi pinjaman dari Kerajaan Persekutuan.
3. Berdasarkan kadar sewa pajakan ini, anggaran kos sewa pajakan tahunan yang perlu dibayar oleh Air Selangor untuk tahun 2019 adalah sebanyak RM716.8 juta.

JAWAPAN (b):

Tuan Speaker,

1. Soalan No. 200 bahagian (b) dari Yang Berhormat Sungai Pelik telah dijawab bersekali dengan soalan No. 111 oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Gasing.
2. Pada 01 Jun 2008, di bawah program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES), Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Program Air Percuma di mana pemberian air sebanyak 20 meter padu dengan nilai RM11.40 setiap bulan kepada pengguna domestik yang bermeter individu. Program ini adalah bertujuan untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat untuk semua lapisan masyarakat khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor.
3. Jumlah yang dibelanjakan untuk membiayai program air percuma ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri di mana semenjak dilaksanakan pada Jun 2008 sehingga 30 Oktober 2018, program ini telah menelan belanja sebanyak RM 1,635,209,953.79.
4. Justeru itu, Kerajaan Negeri Selangor telah meneliti dan mengkaji semula pelaksanaan Program Air Percuma dan akan membuat penjajaran semula pelaksanaan di mana fokus akan diberi kepada golongan sasaran yang berada di dalam golongan B40. Golongan B40 ini ditakrifkan sebagai mereka yang telah didaftarkan atau berada dalam data E-Kasih. Matlamat utama penjajaran semula pemberian air percuma ini adalah untuk memastikan penyaluran subsidi yang lebih fokus kepada golongan sasaran khususnya kepada golongan berpendapatan rendah di seluruh Selangor dalam usaha untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup golongan ini.